BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Perutusan Gabenor

Tahun 2016 merupakan tahun yang agak unik. Persekitaran pembangunan global pada tahun tersebut menyaksikan beberapa peristiwa yang menyimpang daripada norma biasa yang dibawa oleh arus perubahan dasar dan sosiopolitik yang begitu ketara. Kesan perubahan yang lebih besar dan berpanjangan ini masih belum sampai ke penghujungnya. Perkembangan ini adalah punca kepada wujudnya ketidakpastian dan keadaan tidak menentu yang dialami oleh ekonomi dan pasaran kewangan global. Jika perkembangan ini semakin terserlah sehingga mencetuskan pelbagai kesulitan, kita perlu bertindak dengan pantas dan pragmatik dengan mengkaji dan mengukur kembali kekuatan dan kelemahan kita dalam usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi negara.

Beberapa perubahan asas di tengah-tengah gelora politik dan sosial telah menjadikan persekitaran dunia sebagai medan yang penuh dengan ranjau yang mencabar. Ini menjadikan persekitaran dunia tambah berisiko yang sehingga kini masih berlarutan, seperti risiko yang menyelubungi ketidakpastian dalam hala tuju dasar monetari Amerika Syarikat (AS), perubahan harga komoditi dunia yang sangat ketara dan trajektori pertumbuhan global yang tidak menentu. Pada tahun 2016, faktor-faktor ini diburukkan lagi dengan perkembangan luar jangkaan termasuk referendum EU oleh United Kingdom (Brexit) dan keputusan pilihan raya presiden AS, yang telah mewujudkan rentak baharu dalam persekitaran dan perkembangan ekonomi global. Jangkaan akan berlakunya perubahan dasar dalam ekonomi maju telah menambah kerumitan dan ketidaktentuan yang berkaitan dengan matlamat jangka panjang bersama natijah daripada globalisasi, integrasi perdagangan, serta mobiliti modal dan pekerja. Namun, perkembangan ini juga akan mengembalikan semula keyakinan bahawa dasar fiskal akan mengambil alih memainkan peranan utama untuk menyokong pertumbuhan dalam ekonomi global. Walau bagaimanapun, satu elemen perlu diberikan perhatian. Apabila bebanan terhadap kedudukan fiskal kerajaan semakin besar, dasar fiskal mungkin akan menerima nasib yang sama dialami oleh dasar monetari – terlalu dibebankan dan hilang keberkesanannya.

Ketika berdepan dengan persekitaran yang dinamik dan serba mencabar ini, kita semua perlu merenung kembali dan memperbaharui azam dan iltizam kita. Pertama, kita perlu melihat dan mengkaji semula keadaan semasa dan pilihan-pilihan dasar yang tersedia. Sesungguhnya, dasar monetari dan dasar fiskal masing-masing mempunyai batas kemampuan. Oleh itu, dengan cabaran yang semakin hebat, strategi dan pendekatan baharu

diperlukan agar dapat menyokong dasar yang sedia ada. Dalam hal ini, besar kemungkinan penggunaan teknologi akan memberi kita sumber-sumber pertumbuhan alternatif. Kedua, langkah pembaharuan perlu diteruskan dan dilaksanakan secara proaktif sebelum tindakan kita menjadi terdesak disebabkan oleh peristiwa di sekeliling kita. Pembaharuan yang berani tetapi pragmatik wajar dilaksanakan untuk membendung kelemahan jangka pendek, membina daya tahan dan meningkatkan produktiviti masa depan. Akhirnya, sebaik sahaja pembaharuan strategik dasar ini diluluskan untuk pelaksanaan, semua pihak yang berkepentingan perlu mempunyai tekad dan kecekalan yang jitu untuk melaksanakan dasar-dasar ini sehingga mencapai apa jua matlamat yang ditetapkan.

Malaysia terus mempamerkan prestasi ekonomi yang baik dengan pertumbuhan yang menggalakkan meskipun terpaksa mengharungi tempoh yang serba mencabar. Pencapaian yang menggalakkan ini didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri. Perbelanjaan isi rumah disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga yang berterusan, di samping rangsangan tambahan daripada beberapa langkah bersasaran khusus untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Aktiviti pelaburan terus dipacu oleh pelaksanaan beberapa projek infrastruktur dan perbelanjaan modal yang berterusan. Pihak Bank telah melaksanakan beberapa langkah awalan semasa menyelaraskan dasarnya bagi menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

Pelarasan dasar yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2016 merupakan keputusan pragmatik yang dibuat tepat pada masanya. Bank telah menggunakan kesempatan yang ada untuk mengembalikan tahap akomodatif dasar monetari dan memanfaatkan persekitaran inflasi domestik semasa yang rendah. Memandangkan risiko ketidakseimbangan kewangan berada pada tahap yang sederhana, tindakan dasar telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dasar kehematan makro dan mikro serta dasar fiskal yang dilaksanakan sejak sekian lama untuk membendung ketidakseimbangan kewangan, terbukti berkesan dan berjaya memainkan peranan penting dalam memperlengkap dasar monetari. Langkah-langkah dasar kekal seimbang dengan penggunaan pelbagai instrumen yang meluas tanpa membebankan mana-mana instrumen dasar yang ada.

Usaha juga terus cenderung ke arah mengoptimumkan keseimbangan antara strategi liberalisasi dan risiko yang berkait rapat dengannya. Pada bulan Mei 2016, Bank menubuhkan Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC). Ahlinya terdiri daripada peserta pasaran daripada pelbagai industri yang berbeza serta berpengalaman luas. FMC diberikan mandat untuk merangka strategi pembangunan pasaran kewangan domestik dan menyediakan platform interaksi yang berkesan bagi membincangkan isu-isu dan risiko berkaitan dengan perkembangan pasaran kewangan yang mungkin timbul. Sejak ditubuhkan, FMC telah memperkenalkan beberapa langkah proaktif untuk membangunkan pasaran pertukaran dalam negeri, mengurangkan kegiatan spekulasi dan membetulkan ketidakseimbangan yang wujud dalam pasaran pertukaran asing dalam negeri.

Daya tahan ekonomi dan kewangan Malaysia yang terus utuh adalah hasil daripada pembaharuan asas-asas terdahulu dan pembaharuan yang sedang dilaksanakan sekarang ini, di samping penambahbaikan institusi. Pembaharuan ini meningkatkan keupayaan dan ketangkasan Bank untuk mengharungi tempoh yang tidak menentu ini. Sejak beberapa dekad yang lalu, strategi Malaysia untuk mempelbagaikan ekonominya terbukti berjaya dan ekonomi Malaysia terus berdaya tahan untuk berdepan dengan kejutan luaran. Sama pentingnya ialah pelaburan strategik dalam projek-projek infrastruktur yang telah meningkatkan potensi pertumbuhan Malaysia. Pada masa yang sama, pelaburan

yang berterusan untuk meningkatkan mobiliti dan kualiti modal insan negara akan menyediakan tenaga kerja dengan kemahiran yang relevan dan menjadikan mereka bersedia untuk merebut dan memanfaatkan peluang-peluang baharu dalam persekitaran yang pesat berkembang. Kerajaan juga terus komited terhadap langkah-langkah pembaharuan fiskalnya dan negara dijangka mencapai sasaran pengukuhan fiskalnya bagi tahun kelapan berturut-turut pada tahun 2017. Daya tahan ekonomi Malaysia terus diperkukuh oleh usaha yang berterusan bagi memantapkan sistem kewangan dan perbankan domestik.

Kepentingan mengekalkan disiplin dalam melaksanakan pembaharuan bagi mengekalkan daya tahan tidak boleh disangkal. Pada masa yang sama, inisiatif untuk mencari sumber pertumbuhan baharu juga tidak kurang pentingnya. Ekonomi Malaysia perlu terus dipelbagaikan dan diperdalam untuk menggalakkan pelaburan swasta sekali gus membolehkan sektor awam mengalihkan sumber-sumbernya kepada keutamaan lain, terutamanya infrastruktur. Sumber hasil yang baharu dan pelbagai juga diperlukan untuk membiayai infrastruktur baharu yang boleh memacu Malaysia menjadi negara yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan juga negara yang berpendapatan tinggi. Malaysia perlu mencipta bidang yang berdaya saing dalam ekonomi baharu yang kian berubah. Dalam hal ini, Bank memainkan peranannya dengan menyediakan persekitaran pengawalseliaan kondusif yang dapat memanfaatkan potensi teknologi kewangan (financial technology, FinTech) bagi memodenkan, memperdalam dan menyuntik persaingan dalam pasaran kewangan domestik dan pasaran pendanaan dalam negeri.

Bagi memanfaatkan kemajuan teknologi untuk mengenal pasti peluang pertumbuhan baharu, semua lapisan masyarakat perlu meraih manfaat daripadanya dan tidak terpinggir dalam proses tersebut. Oleh yang demikian, keseimbangan yang wajar adalah perlu antara inovasi, kestabilan dan kesamarataan. Bagi mencapai tujuan ini, Bank terus memberikan keutamaan terhadap rangkuman kewangan dan berusaha menyesuaikan pendekatan yang diambil agar Bank terus relevan dalam melaksanakan dasar makroekonomi dan memahami isu-isu yang dihadapi oleh isi rumah dan perniagaan. Pelbagai platform telah diwujudkan untuk menggalakkan penglibatan aktif isi rumah dan perniagaan seperti pembentukan Skim Ombudsman Kewangan, bagi membantu orang ramai dalam urusan mereka dengan institusi kewangan. Analisis data yang lebih terperinci juga sedang dijalankan secara meluas untuk memperdalam pemahaman kita berhubung dengan kesan kejutan dan dasar. Ini akan membolehkan kita melaksanakan dasar yang lebih baik dan berkesan. Pada masa hadapan, penyelidikan yang teliti terhadap kumpulan data yang besar boleh menjadi alat yang berkesan untuk menyokong analisis makroekonomi dan kestabilan kewangan.

Selain dalam negeri, Bank terus terlibat dalam beberapa inisiatif penting yang mengukuhkan kerjasama dan integrasi pada peringkat serantau. Bank Negara Malaysia komited untuk memperdalam integrasi kewangan serantau melalui penubuhan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF). Contohnya, perjanjian dua hala dengan Otoritas Jasa Keuangan Indonesia telah membolehkan penyertaan lebih meluas Bank-bank ASEAN yang Layak (Qualified ASEAN Banks) di bawah ABIF. Banyak pencapaian penting juga telah diperoleh dalam penyelesaian perdagangan dan pelaburan menggunakan mata wang domestik. Pelaksanaan perjanjian dua hala dengan Bank of Thailand dan Bank Indonesia juga telah memberikan pilihan yang lebih banyak kepada entiti perniagaan untuk menyelesaikan urus niaga perdagangan mereka. Bank terus mengambil beberapa langkah yang konkrit bagi menyediakan persekitaran yang menggalakkan demi meningkatkan kestabilan makroekonomi dan kewangan serantau melalui pengaturan kerjasama di bawah ASEAN, ASEAN+3, Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP)

serta Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (South East Asian Central Banks (SEACEN) Research and Training Centre). Pembukaan Hab Penyelidikan dan Pengetahuan Global Kumpulan Bank Dunia (World Bank Group Global Knowledge and Research Hub) telah memperkembangkan kelompok intelek di Sasana Kijang dan meningkatkan profil Malaysia sebagai pusat kecemerlangan serantau yang menggalakkan peluang pembelajaran dan mempertingkatkan kepimpinan berwawasan.

Pada masa hadapan, rancangan untuk terus membangunkan Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi mempunyai peluang yang tinggi untuk berjaya dengan tekad yang berterusan dalam pembaharuan dan dasar awam. Usaha ini tidak boleh dilakukan secara bersendirian. Usaha secara kolektif perlu daripada semua pembuat dasar untuk membangunkan dasar awam yang dipersetujui bersama, dengan reka bentuk yang mantap dan bersifat inklusif. Sebaik sahaja dasar-dasar ini diumumkan dan dilaksanakan, kita perlu terus gigih berusaha untuk memastikan matlamat dasar berjaya dicapai. Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka dan liberal, kita telah menikmati manfaat perdagangan terbuka dan perlu terus mengekalkan strategi ini meskipun sentimen perlindungan perdagangan semakin berleluasa.

Kekukuhan pengaturan institusi di Bank sentiasa diuji dan telah terbukti ketika berhadapan dengan perubahan dan ketidakpastian. Tahun 2016 juga tidak terkecuali. Meskipun kita berhadapan dengan tempoh yang sukar, asas-asas yang telah dibangunkan sebelum ini memberikan kita kestabilan dan kesinambungan dalam melaksanakan dasar-dasar kita. Bank merakamkan setinggi-tinggi rasa penghargaan dan terima kasih kepada Gabenor Dr. Zeti Akhtar Aziz atas sumbangan beliau yang begitu besar dan tidak ternilai. Kepimpinannya yang berwawasan telah membawa Bank ke tahap yang lebih tinggi, meletakkan Bank pada kedudukan yang tepat dan kukuh untuk melaksanakan mandat Bank. Bank sentiasa mengambil pendekatan yang tangkas dan inovatif serta akan terus membuat perubahan yang perlu untuk memastikan Bank terus relevan dan berfungsi dengan berkesan. Pada tahun 2016, Bank telah memperuntukkan sumber tambahan untuk aktiviti risikan dan penguatkuasaan kewangan serta melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan lagi keselamatan maklumat dan teknologi. Bank akan terus memberikan penekanan terhadap standard kecemerlangan yang tertinggi dalam bidang tugas, budaya korporat dan amalan beretika di Bank.

Tahap dedikasi dan profesionalisme tertinggi kakitangan Bank menjadi teras keupayaan Bank dalam memenuhi tuntutan yang semakin meningkat. Bank menghargai kakitangannya dan komited untuk terus meningkatkan pengurusan dan pembangunan kumpulan tenaga mahirnya. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan, saya ingin merakamkan penghargaan atas komitmen dan usaha gigih semua kakitangan Bank. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Pengarah atas sokongan dan bimbingan mereka yang berterusan. Bank akan terus melaksanakan mandat yang diamanahkan meskipun dalam tempoh yang amat mencabar ini, dengan semangat dan kecekalan yang lebih tinggi.



Muhammad bin Ibrahim
Gabenor
23 Mac 2017